

30/08/2000

Astro sedia program menarik sempena Hari Kebangsaan

MEASAT Broadcast Network Systems (MBNS) menyediakan beberapa rancangan televisyen menarik untuk tontonan pelanggan sistem televisyen satelit Astro sempena Hari Kebangsaan ke-43.

Dengan bertemakan *Our Names, Our Nation, Our Home*, MBNS menyajikan liputan secara langsung perbarisan Hari Kebangsaan, selain tayangan beberapa filem box-office, dokumentari dan rancangan muzikal menerusi tiga saluran utama Astro iaitu Astro Ria, Astro AEC dan Astro Vaanavil.

Malah, ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Hari Kebangsaan juga boleh diikuti menerusi saluran Astro Ria, Astro Wah Lai Toi dan Astro Vaanavil, bermula jam 8.30 malam ini.

Manakala, perbarisan Hari Kebangsaan di Stadium Shah Alam, menampilkan liputan dalam empat bahasa iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil. Penonton yang ingin mengikuti dalam bahasa Melayu boleh memilih saluran Astro Ria, TV1, dan TV3. Bagi bahasa Inggeris, penonton boleh memilih TV2. Saluran 500 pula menyediakan trak dwi bahasa iaitu Mandarin dan Tamil. Semua siaran langsung ini bermula jam 8 pagi esok.

Selain perbarisan Hari Kemerdekaan, peminat saluran Astro Ria turut disajikan dengan beberapa rancangan istimewa. Antaranya ialah *Gemilang Merdeka Di Roda Impian* yang bermula 28 Ogos hingga 1 September jam 8.30 malam. Pengacaranya Halim Othman dan Abby Abadi menyediakan segmen khas berkaitan kemerdekaan.

Tidak ketinggalan Beat TV bersama hos jelita Zet dan Gina membawa penonton pelbagai mesej patriotik akan ke udara jam 10 malam ini selain Yasmin Hani serta Datuk S M Salam dalam era@ria setengah jam selepas itu. Rancangan muzikal, *Ria Oke Merdeka Special* membawa penyanyi popular Siti Nurhaliza bersama penggubah lagu terkenal Pak Ngah, mempersembahkan pelbagai klip video lagu Irama Malaysia. Ia akan disiarkan jam 11 pagi esok.

Ini disusuli dokumentari, *Semangat Insan* jam 2 petang dan *Konsert Di Pinggir Kayangan: Sharifah Aini*, jam 9 malam.

Konsert yang dirakamkan pada 9 hingga 10 Jun lalu itu menampilkan Sharifah bersama 65 anggota Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menerusi program itu, Sharifah mendendangkan lagu seperti *Semalam Di Malaysia*, *Bunga Tanjung*, *Fatwa Pujangga* dan *Dondang Sayang*.

Beberapa filem menarik akan menyerikan lagi sambutan Hari Kemerdekaan. Antaranya *Darah Satria* jam 12 tengah malam ini, *Matinya Seorang Patriot* (31 Ogos/3.30 petang) dan *Perempuan Melayu Terakhir* (31 Ogos/5.30 petang).

Saluran Astro AEC tidak kurang juga hebatnya.

Filem *Xiu-Xiu, The Sent Down Girl* akan disiarkan jam 11.30 pagi. Filem lakonan Li Xiao Lu, arahan Joan Chen ini memenangi tujuh anugerah dalam 35th Golden Horse Film Awards.

Begitu juga dengan saluran Astro Vaanavil. Antara rancangan menariknya ialah filem hindi *Mudhalvan* lakonan Arjun dan Manisha Koirala jam 9 malam ini, *Mughavari* (31 Ogos/10.30 pagi).

Selain itu ialah rancangan hiburan *Filmfare Awards 1999 (South)* akan disiarkan jam 3 petang esok.

(END)